

11 SEP 1996

SEMANGAT 46 BINCANG PROSES PEMBUBARAN ESOK

KUALA LUMPUR, 11 Sept (Bernama) -- Parti Melayu Semangat 46 (S46) akan mengadakan mesyuarat Majlis Tertingginya esok, mungkin yang terakhir sebelum ia dibubar pada 6 Okt ini.

Ketua Penerangan S46 Encik Ahmad Shabery Chik berkata mesyuarat yang akan dipengerusikan oleh Presiden parti Tengku Razaleigh Hamzah itu akan membuat persiapan terakhir menjelang perhimpunan agung khas bagi membubarkan parti itu.

"Ia (mesyuarat) mungkin yang terakhir. Kami akan mendapatkan maklumat terbaru berhubung keanggotaan sebagai persediaan pembubaran," katanya ketika dihubungi di pejabatnya.

Tengku Razaleigh mengumumkan bulan lepas bahawa parti itu akan dibubarkan pada 6 Okt pada perhimpunan agung khas untuk membolehkan anggotanya menyertai Umno, yang menurutnya sebagai usaha ke arah penyatuan bangsa.

Tengku Razaleigh juga dijangka menyerahkan 200,000 borang permohonan daripada anggota S46 untuk menyertai Umno kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 9 Okt.

Sebanyak 500 anggota perwakilan dijangka menghadiri perhimpunan agung khas itu, yang hanya mempunyai satu perkara dalam agenda iaitu membubarkan S46. -- BERNAMA

MOK MAI